



● Penduduk dari Taman Perumahan Sri Mulong dipindahkan ke pusat pemindahan.

Kelantan kembali dilanda banjir

KOTA BHARU- Sebanyak tujuh pusat pemindahan banjir di negeri ini kembali dibuka melibatkan 96 orang mangsa dari 49 keluarga dipindahkan berikutan hujan berterusan sejak kelmarin.

Di Kota Bharu lebih 20 penduduk Taman Perumahan Sri Mulong, Kedai Mulong, dekat sini dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Mulong apabila rumah mereka dinaiki air sedalam 0.5 meter.

Banjir kali ketiga melanda kawasan perumahan itu dikatakan berpunca daripada kelemahan sistem longkang serta pembinaan kawasan perumahan baru berhampiran sejak tiga tahun lalu.

Sementara itu di Pasir Puteh, seramai 15 orang dipindahkan di Kampung Gong Kala, Bukit Awang, Gaal selepas paras air

naik mendadak sehingga tiga meter.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh, Kaharudin Yahya berkata, kesemua mangsa termasuk seorang ibu mengandung, dan lapan kanak-kanak serta enam dewasa ditempatkan di Dewan Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Awang, di sini.

Dalam pada itu, Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPK) berkata dua pusat pemindahan dibuka di Tanah Merah iaitu di Balai Raya Kampung Padang Kijang dan di Sekolah Kebangsaan Kulim.

"Seramai 71 mangsa banjir melibatkan 23 keluarga daripada Kampung Padang Kijang dan sekitarnya dipindahkan ekoran kediaman mereka mulai digenangi air," katanya.